

TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

Pada tahun 2013, LPP melaksanakan penyelenggaraan sistem aplikasi Pertubuhan Peladang iaitu Sistem Primari Pertubuhan Peladang (SPPP) dan Sistem Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dengan 39 PPK telah dibiayai oleh LPP untuk SPPP dengan kos RM187,200 manakala bagi SBPKP sebanyak RM15,200 untuk 19 PPK. Ini bagi memastikan sistem aplikasi dapat beroperasi dengan baik dan lancar.

LPP juga telah membangunkan sistem pemantauan perladangan bagi memantau piawaian pelaksanaan projek yang dikenali sebagai Sistem Data Bersepadu LPP atau *Overload System*.

Pada masa ini ianya hanya digunakan bagi tanaman padi dan nangka dengan menjadikan PPK Lahar Bubu sebagai perintis projek padi di Permatang Manggis, Pulau Pinang dan Kampung Liut, PPN Pahang bagi tanaman nangka. Sistem yang dibangunkan pada awal 2013 adalah dalam proses ujilari.

LPP juga menggunakan 1Gov*Net yang melibatkan 20 lokasi bagi memudahkan capaian kepada Aplikasi Perdana Kerajaan Elektronik (EG) seperti eSPKB, SPP II, ePEROLEHAN dan HRMIS. Lokasi-lokasi yang terlibat adalah Ibu Pejabat LPP, 13 LPP Negeri, 5 Institut Pengurusan Peladang dan 1 RTC Gopeng, Perak. Projek ini akan diperluaskan lagi ke peringkat PP.

LPP turut tersenarai sebagai salah satu agensi yang terlibat dalam projek *Single Sign On* (SSO) oleh MAMPU yang merupakan salah satu projek PEMANDU dibawah *Strategic Reform Initiatives - Public Service Delivery* (SRI-PSD).

LPP telah mengambil inisiatif membangunkan portal e-Peladang bagi tujuan pemasaran dan mempertemukan penjual dengan pembeli untuk mengurus niaga produk-produk pertanian secara *online*.



LPP juga telah membangunkan sistem pemantauan perladangan bagi memantau piawaian pelaksanaan projek yang dikenali sebagai Sistem Data Bersepadu LPP atau *Overload System*.

Objektif E-Peladang adalah seperti berikut:

- Membolehkan PP ahli berinteraksi dengan konsep perniagaan kepada perniagaan (*Business Matching*).
- Menyediakan saluran pemasaran alternatif dengan menggunakan teknik pemasaran terkini dalam mendekati bakal-bakal pembeli produk pertanian keluaran PP ahli.
- Membolehkan pengumpulan data dan maklumat terkini bagi aktiviti pemasaran produk pertanian PP ahli.